

11 SEP 2003

BERJAYA-PENGHUNIAN/I

BERJAYA TIMES SQUARE CAPAI TAHAP SEWAAN 75 PERATUS

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Berjaya Times Square Sdn Bhd telah mencapai tahap sewaan melebihi 75 peratus bagi kompleks runcitan dan perniagaannya di Berjaya Times Square, kata pengerusinya, Tan Sri Vincent Tan, hari ini.

Kompleks itu yang terletak di kawasan seluas 7.5 juta kaki persegi akan menjadi pembangunan terbesar seumpamanya di rantau Asia Pasifik.

"Berjaya Times Square dijangka menarik kira-kira tiga juta pengunjung sebulan, satu angka yang saya sangat yakin kami akan mencapainya memandangkan kemudahan menyeluruh yang disediakan oleh Berjaya Times Square," katanya.

Vincent Tan berkata demikian di majlis permeterian bagi penyewa dan penyedia perkhidmatan Berjaya Times Square yang disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di sini, hari ini.

Kompleks itu yang dianggap sebagai satu hasil seni bina berkemahiran tinggi akan menempatkan lebih 900 kedai khas, 1,200 suit perkhidmatan mewah, 70 restoran dan kafe, 56 lorong boling, sembilan pawagam, panggung tiga dimensi pertama Malaysia dan taman tema dalaman terbesar di Malaysia.

Penyewa utama kompleks tersebut yang dijangka dirasmikan pada 29 Sept ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah Golden Screen Cinema, Shasta Supermarket, Dehenhams, IMAX 3D Theatre dan Toy City.

Beliau berkata kompleks itu akan menjadi satu lagi daya tarikan utama bagi destinasi pelancong.

Apabila ditanya sama ada Berjaya Times Square akan menjadi satu lagi entiti tersenarai Berjaya Group, Vincent Tan, yang merupakan pengerusi kumpulan berkata: "Kami sedang mempertimbangkannya. Kami akan membuat pengumuman."

Syarikat itu menyatakan nilai pembangunan Berjaya Times Square adalah RM2.5 bilion dan jumlah kos pembangunan RM1.75 bilion. Setakat ini sejumlah RM1.45 bilion telah dibelanjakan.

Sementara itu, jumlah pendapatan jualan setakat ini adalah RM823 juta, kata syarikat itu. -- BERNAMA

SM KTC ZK